

## **Aktiviti Challenge Week mengisi masa selepas musim peperiksaan**

Kejayaan seseorang pelajar selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru itu, menghadirkan diri ke sekolah merupakan asas dalam menjayakan proses. Pelajar yang hadir ke sekolah berpeluang memberi perhatian dan fokus semasa belajar dan sebaliknya pelajar yang tidak hadir sukar mendapat apa-apa.



Memastikan kehadiran para pelajar selepas waktu peperiksaan sudah berakhir adalah merupakan cabaran bagi pihak pentadbiran sekolah kerana terdapat sebilangan ibu bapa dan penjaga pelajar beranggapan bahawa selepas musim peperiksaan

berakhir tiada sebarang aktiviti berfaedah dibuat di sekolah. Anggapan dan pandangan seperti ini adalah satu pandangan dan pendapat yang kurang tepat. Pada musim-musim seperti ketika ini iaitu bila mana peperiksaan telah berlalu, pihak sekolah akan menyediakan berbagai program dan aktiviti menarik yang menjurus kepada pembinaan sahsiah, mengasah kemahiran-kemahiran akademi dan bukan akademik serta membina pengetahuan am para pelajar.

Salah satu program yang dirancang di musim persekolahan selepas peperiksaan ini adalah aktiviti "*Challenge week*" yang disasarkan kepada para pelajar berusia 15 tahun. Program yang dikendalikan dengan usahasama antara Kementerian Pendidikan dan *Centre for British Teachers (CfBT)* pada penghujung November ini akan diisikan dengan berbagai aktiviti-aktiviti yang mengajak para pelajar menimba pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan yang memuatkan kemahiran-kemahiran penting abad ke-21. Dengan pelbagai aktiviti berkumpulan, cabaran dan lain-lain, kegiatan-kegiatan yang diaturkan dalam "*Challenge Week*" ini juga akan meningkatkan keyakinan dan

keupayaan para pelajar untuk berfikir menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi dan menyelesaikan masalah serta mempromosi *mindset* 'boleh buat'. Ini juga dihasratkan akan dapat mewujudkan hubungan merentas kurikulum bagi para pelajar dan merangsang semangat 'team building' dengan tenaga-tenaga pengajar English, Matematik dan Sains.



"*Challenge week*" akan diadakan buat julung-julung kalinya di semua sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam bermula pada 20 sehingga 25 November 2017. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa "*Challenge week*" ini juga menyokong ke arah penilaian yang akan dibuat ke atas para pelajar berumur 15 tahun melalui *Program for International*

*Student Assessment (PISA)*. Ini merupakan penilaian antarabangsa bagi pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun yang dijalankan sekali setiap tiga tahun untuk mengukur pencapaian pendidikan sesebuah negara. Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam penilaian antarabangsa seperti PISA ini adalah selaras dalam memenuhi salah satu aspirasi Wawasan Brunei 2035 - Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Dari yang demikian, aktiviti "*Challenge Week*" juga akan membantu membiasakan pelajar-pelajar menjawab soalan-soalan PISA yang menuntut pelajar untuk meneroka, menaakul (*reasoning*) dan memberikan penjelasan dengan baik.

Aktiviti *Challenge Week* dijangka akan menjadi pengalaman belajar yang meyeronokkan dengan pelbagai aktiviti berbeza dari kelas biasa. Ini tentunya menjadikan hari-hari menjelang penghujung tahun akademik sesuatu yang mengujakan untuk para pelajar 15 tahun khususnya agar sentiasa hadir bersekolah. Kehadiran mereka ke *Challenge Week* ini tentunya akan menyumbang kepada kemahiran berfikir yang lebih tinggi, kepekaan terhadap penyelesaian masalah yang lebih baik yang secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian akademik (*literasi dan numerasi*) pelajar.

Dengan manfaat yang sangat berharga dari Challenge Week ini, wajarlah para ibu bapa dan penjaga pelajar memberikan kerjasama dan sokongan penuh dalam menjayakan aktiviti Challenge Week ini dengan memastikan kehadiran anak-anak mereka sepanjang aktiviti dijalankan. Natiyahnya, ini akan dapat menanamkan sikap positif terhadap pembelajaran dan turut membiasakan sikap suka hadir bersekolah yang pastinya akan menyumbang kepada pembentukan individu atau warga yang membanggakan, insya Allah.